# NOTIS PEMBERITAHUAN
# PERMOHONAN TURUN KELAS

Adalah dimaklumkan, BERMULA 15 NOVEMBER 2024 sehingga 15 NOVEMBER 2027, kontraktor yang telah berdaftar di bawah Bidang Kerja, Bidang Mekanikal dan Bidang Elektrikal (Kepala VIIA) boleh memohon untuk Turun Kelas Pendaftaran sekali sahaja *(one-off)*.

Walau bagaimanapun, permohonan Turun Kelas Pendaftaran tersebut adalah tertakluk kepada peraturan – peraturan berikut:

(i) Permohonan Turun Kelas adalah dibuka bagi semua Kelas, terhad kepada sekali permohonan sahaja (*one-off*) mengikut Bidang yang didaftarkan (sekali untuk satu (1) Bidang).

<u>Contohnya:</u>

Jika kontraktor mempunyai dua (2) Bidang Pendaftaran iaitu Bidang Kerja dan Bidang Mekanikal, kontraktor boleh membuat permohonan Turun Kelas bagi Bidang Kerja dan Bidang Mekanikal serentak atau membuat permohonan Turun Kelas untuk Bidang Kerja terlebih dahulu dan kemudiaannya Bidang Mekanikal.

(ii) Jika kontraktor mempunyai lebih dari satu (1) Kepala dalam Bidang yang didaftarkan tetapi kontraktor hanya memilih untuk menurunkan Kelas untuk satu (1) Kepala sahaja, ini juga akan dikira sebagai telah menggunakan permohonan secara *one-off* tersebut dan kontraktor tidak boleh membuat permohonan *one-off* sekali lagi untuk menurunkan Kelas bagi Kepala yang tidak dipohon semasa permohonan *one-off* sebelumnya.

<u>Contohnya:</u>

Jika kontraktor mempunyai beberapa Kepala dalam satu (1) Bidang seperti mempunyai Kepala I dan II untuk Bidang Kerja dan kedua-dua Kepala adalah di bawah Kelas C. Semasa permohonan *one-off* untuk menurun Kelas untuk Bidang Kerja, kontraktor hanya memohon untuk menurunkan Kelas untuk Kepala I ke Kelas E, manakala Kepala II dikekalkan di Kelas C, kontraktor adalah tidak dibenarkan membuat permohonan *one-off* buat kali kedua untuk menurunkan Kelas bagi Kepala II untuk Bidang Kerja yang tidak dipohon sebelum ini.

(iii) Bagi kontraktor yang ingin Turun Kelas ke Kelas F tetapi tidak mempunyai Surat Pengiktirafan Status Bumiputera, adalah perlu memohon Status Bumiputera terlebih dahulu sebelum memohon Turun Kelas ke Kelas F. Kontraktor tidak dapat Turun Kelas ke Kelas F jika gagal mendapatkan Status Bumiputera. Walau bagaimanapun, kontraktor boleh memohon semula Status Bumiputera selepas tempoh enam (6) bulan jika masih berminat untuk Turun Kelas ke Kelas F sebelum tamat tempoh permohonan Turun Kelas pada 15 NOVEMBER 2027.

(iv) Bagi kontraktor yang telah memohon Turun Kelas secara *one-off* tetapi kemudian membuat permohonan *total change* kepada pemilikan syarikat atau permohonan semula, permohonan Turun Kelas *one-off* sekali lagi adalah tidak dibenarkan.

(v) Permohonan Turun Kelas tersebut akan dibuat dengan menggunakan Permohonan Perubahan di dalam sistem OLAM (permohonan adalah percuma). Kontraktor perlu mengisi Borang Khas Turun Kelas yang perlu dimuatnaik semasa Permohonan Perubahan di dalam sistem OLAM tersebut.

**SEKIAN, HARAP MAKLUM**

Ketua Penolong Pengarah
Unit Pendaftaran Kontraktor & Juruperunding (UPKJ)
Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri
SARAWAK

**1 NOVEMBER 2024**

PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI SARAWAK
UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING

# BORANG KHAS TURUN KELAS

## BIDANG KERJA SECARA *ONE-OFF* SAHAJA

## BAHAGIAN A: MAKLUMAT PERMOHONAN

| | | |
|---|---|---|
| Nama Syarikat | : | |
| No. Pendaftaran Syarikat | : | |

| Pendaftaran sedia ada | | Permohonan turun kelas | |
|---|---|---|---|
| Kelas | Kepala | Kelas | Kepala |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

## BAHAGIAN B: PERAKUAN PEMILIK/PENGARAH SYARIKAT

Adalah dengan ini, saya selaku pemilik/pengarah syarikat bersetuju dan memperakui bahawa:

i. Maklumat permohonan Turun Kelas secara *one-off* seperti di Bahagian A adalah betul dan benar;
ii. Syarikat/pemilik/pengarah akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas apa-apa sahaja implikasi terhadap penurunan Kelas tersebut; dan
iii. Syarikat/pemilik/pengarah telah mengambilkira segala peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa serta Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520) semasa permohonan ini.

Tandatangan Pemilik/Pengarah Syarikat : ______________________

Nama Pemilik/Pengarah Syarikat : ______________________

No. Kad Pengenalan : ______________________

Jawatan : ______________________

Tarikh : ______________________

Cop syarikat :

*Nota: Setiap permohonan bagi Bidang berlainan perlu menggunakan borang permohonan yang berbeza.*

PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI SARAWAK
UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING

# BORANG KHAS TURUN KELAS

## BIDANG MEKANIKAL SECARA *ONE-OFF* SAHAJA

## BAHAGIAN A: MAKLUMAT PERMOHONAN

| | | |
|---|---|---|
| Nama Syarikat | : | |
| No. Pendaftaran Syarikat | : | |

* Untuk Kepala V, Subkepala 1(a)/1(b)/1(c)/1(d)

| Pendaftaran sedia ada | | Permohonan turun kelas | |
|---|---|---|---|
| Kelas | Subkepala | Kelas | Subkepala |
| | | | |

(Sila rujuk Buku Panduan Pendaftaran UPKJ untuk keterangan terperinci)

** Untuk Kepala V, Subkepala 2,3,4,5,6,7,8,9,10

| Pendaftaran sedia ada | | Permohonan turun kelas | |
|---|---|---|---|
| Kelas | Subkepala | Kelas | Subkepala |
| | | | |

## BAHAGIAN B: PERAKUAN PEMILIK/PENGARAH SYARIKAT

Adalah dengan ini, saya selaku pemilik/pengarah syarikat bersetuju dan memperakui bahawa:

i. Maklumat permohonan Turun Kelas secara *one-off* seperti di Bahagian A adalah betul dan benar;
ii. Syarikat/pemilik/pengarah akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas apa-apa sahaja implikasi terhadap penurunan Kelas tersebut; dan
iii. Syarikat/pemilik/pengarah telah mengambilkira segala peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa serta Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520) semasa permohonan ini.

Tandatangan Pemilik/Pengarah Syarikat : ______________________

Nama Pemilik/Pengarah Syarikat : ______________________

No. Kad Pengenalan : ______________________

Jawatan : ______________________

Tarikh : ______________________

Cop syarikat :

*Nota: Setiap permohonan bagi Bidang berlainan perlu menggunakan borang permohonan yang berbeza.*

PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI SARAWAK
UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING

# BORANG KHAS TURUN KELAS

### BIDANG ELEKTRIKAL SECARA *ONE-OFF* SAHAJA

## BAHAGIAN A: MAKLUMAT PERMOHONAN

| | | |
|---|---|---|
| Nama Syarikat | : | |
| No. Pendaftaran Syarikat | : | |

| Pendaftaran sedia ada | | Permohonan turun kelas | |
|---|---|---|---|
| Kelas | Kepala | Kelas | Kepala |
| | | | |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

## BAHAGIAN B: PERAKUAN PEMILIK/PENGARAH SYARIKAT

Adalah dengan ini, saya selaku pemilik/pengarah syarikat bersetuju dan memperakui bahawa:

i. Maklumat permohonan Turun Kelas secara *one-off* seperti di Bahagian A adalah betul dan benar;
ii. Syarikat/pemilik/pengarah akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas apa-apa sahaja implikasi terhadap penurunan Kelas tersebut; dan
iii. Syarikat/pemilik/pengarah telah mengambilkira segala peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa serta Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520) semasa permohonan ini.

Tandatangan Pemilik/Pengarah Syarikat : ______________________

Nama Pemilik/Pengarah Syarikat : ______________________

No. Kad Pengenalan : ______________________

Jawatan : ______________________

Tarikh : ______________________

Cop syarikat :

*Nota: Setiap permohonan bagi Bidang berlainan perlu menggunakan borang permohonan yang berbeza*